



## **PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN BILANGAN 1/1977**

### *Pendaftaran Surat Hakmilik Tetap Bagi Tanah Pegangan Desa Di Kawasan Penempatan Beramai-ramai*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai pendaftaran surat hakmilik tetap bagi tanah pegangan desa dikawasan penempatan beramai-ramai yang diisytiharkan di bawah seksyen 4 Land (Group Settlement Areas) Act, 1960.

2. Di bawah seksyen 7(2) Land (Group Settlement Area) Act, 1960, satu tanah pegangan desa adalah mengandungi satu petak (lot) atau lebih daripada satu petak yang terletak dalam kawasan petempatan desa, ataupun ianya mengandungi satu atau lebih petak-petak yang terletak dalam kawasan petempatan desa termasuk juga satu petak yang terletak dalam satu kawasan petempatan bandar yang digunakan khas untuk tujuan-tujuan kediaman.

3. Seksyen 11(1) Akta yang sama menyatakan bahawa surat hakmilik yang akan dikeluarkan bagi mana-mana tanah pegangan (bandar atau desa) hendaklah dari jenis hakmilik pejabat tanah, iaitu, geran mukim atau pajakan mukim. Peruntukan ini adalah selaras dengan syarat kepada seksyen 77(3) Kanun Tanah Negara.

4. Menurut seksyen 85(2) Kanun Tanah Negara tiap-tiap surat hakmilik hanyalah mengandungi satu lot sahaja tetapi peruntukan ini tidak terpakai kepada tanah pegangan desa yang mengandungi lebih dari satu lot sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 2 di atas.

5. Untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan di perenggan 3 di atas Pihak Berkuasa Negeri (semasa meluluskan pemberian milik) akan menentukan tempoh pemilikan tanah itu dan ini akan menetapkan jenis hakmilik tetap samaada hakmilik geran mukim ataupun pajakan mukim. Peruntukan-peruntukan tersebut adalah terpakai kepada kesemua kawasan penempatan beramai-ramai tanpa mengira samaada kawasan-kawasan itu dimajukan oleh Kerajaan Negeri atau oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Persekutuan seperti LKTP.

6. Peruntukan undang-undang seperti di perenggan 4 di atas tidaklah terpakai kepada kes-kes di mana lot-lot bagi tanah pegangan itu terletak dalam mukim yang berasingan atau lot-lot

bagi pegangan itu mempunyai jenis-jenis kegunaan tanah yang berlainan (lot bandar dalam tanah pegangan desa akan dikenakan jenis kegunaan 'bangunan' sementara lot atau lot-lot desa dalam tanah pegangan desa akan dikenakan jenis 'kegunaan bangunan' sementara lot atau lot-lot desa dalam tanah pegangan desa akan dikenakan jenis kegunaan 'pertanian').

7. Bahawa adalah perlu juga dipastikan tanah-tanah yang dikira sebagai satu tanah pegangan itu tidak dipindahmilik secara berasingan oleh tuan punya dan cara mengatasi kesulitan ini ialah dengan mengenakan sekatan kepentingan seperti berikut:

"Tanah ini tidak boleh dipindah milik kecuali tanah yang dipegang di bawah GM/PM No..... Lot/Lot-lot No. .... Mukim/Mukim-mukim .....  
Dipindahkan kepada penerima pindahmilik yang sama."

Untuk menentukan kehendak-kehendak seksyen 14 dan seksyen 15 Land (Group Settlement Areas) Act, 1960 tidak diabaikan, maka sekatan kepentingan mahulah juga dikenakan seperti berikut:

"Tanah ini tidak boleh dipajak, diberi pajakan kecil, dipecah sempadan atau tidak boleh dipindahmilik kepada lebih dari seorang."

8. Pemungut-pemungut adalah dengan ini dinasihatkan supaya mengambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:

- (a) Hakmilik yang berasingan hendaklah didaftarkan bagi tiap-tiap lot di kawasan penempatan beramai-ramai.
- (b) Sekatan-sekatan kepentingan seperti di perenggan 7 hendaklah dikenakan untuk menjamin bahawa tanah-tanah yang dikira sebagai satu tanah pegangan itu dipindah milik kepada penerima pindahmilik yang sama dan juga untuk menentukan kepatuhan kepada seksyen-seksyen 14 dan 15 Land (Group Settlement Areas) Act, 1960.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR  
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian*  
*Persekutuan*

P.T.TM 26/61 Pt. III  
Kuala Lumpur